



Edisi 2/2014

<http://www.utm.my/ipf>

[Institusi Pembangunan Felo \(IPF\) UTM](#)

MENARIK EDISI INI

- Selamat Datang Mahasiswa/i Baru
- Jamuan Raya IPF
- Lagu Tema Merdeka 57
- Carta Organisasi IPF 2014/2015

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor:

En. Azizul bin Azman

Editor:

En. Ahmad Riza'ain bin Yusoff

Jurugambar:

En. Kiflee bin Jimpi

En. Hadafi Fitri bin Mohd Latiff

Wartawan:

Dr. Rabia Bakhter

Pn. Siti Aishah binti Abdul Hamid

Pn. Nurul Na'imma binti Hamdan

Pereka Grafik:

En. Mohammed bin Mohd Hasni

Dr. Nor Fasihah binti Mohd Yusof

Dr. Noorfa Haszlina bte Mustaffa

Tugas-tugas Khas:

En. Yong Kum Weng

FAKTA NOMBOR

Kemasukan Mahasiswa/i Baru

2378 Prasiswazah

1305 Pasca Siswazah

SELAMAT DATANG!

Mahasiswa/i Baru UTM

Pada 31 Ogos 2014 yang lalu bersamaan dengan sambutan Kemerdekaan Malaysia ke-57, Universiti Teknologi Malaysia telah menerima kemasukan mahasiswa/i baru prasiswazah dengan jumlah seramai **2378** orang dari pelbagai bidang di UTM. Pada 3 September 2014 pula, UTM telah menerima seramai **1305** mahasiswa/i baru pascasiswazah yang terdiri daripada 1061 orang yang mendaftar sebagai pelajar sarjana dan 244 orang yang mendaftar sebagai pelajar Doktor Falsafah. Mahasiswa/i baru prasiswazah yang mendaftar perlu mengikuti Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) yang diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni yang dibantu oleh mahasiswa-mahasiswa kanan dari kolej-kolej di UTM. MMM ini telah **dirasmikan** oleh Menteri Besar Johor, **Y.A.B Datuk Seri Hj. Mohamed Khaled bin Nordin**. MMM ini juga dihadiri oleh Mantan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam yang menyampaikan ceramah berkaitan kemerdekaan.



PERANCANGAN AKTIVITI IPF 2014

- ✓ Boling Ria IPF
- ✓ Kolokium Keselamatan Dalam Universiti
- ✓ Kursus Asas Kaunseling
- ✓ Car Booth Sale
- ✓ Konvensyen Felo
- ✓ Program Awal Muharam

Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta - Bob Yusof

MALAYSIA...
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta



Cinta
Cinta kepada nusa
Kini dan selamanya
Tak berbelah bagi

Cinta bergema
Sejarah kebangkitan
Semangat bagi pahlawan
Alangkah oh bertuahnya

Kita
Punya rasa yang dalam
Pada pertiwi ini
Kita terus berganding ke mercu

(Korus)
Di sini lahirnya sebuah cinta
Cinta yang semarakkan
Penyatuan kita semua
Di sini lahirnya sebuah cinta
Curahkan sepenuhnya
Jasa dan budi kita

Segala cabaran
Kita terus tempuhi
Jangan ada yang leka
Tetap berjuang

 Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta |
Merdeka 57

Jamuan Raya IPF 2014



Pada 18 Ogos 2014, Biro Kebajikan dan Sosial yang diketuai oleh **En. Mohd Amin bin Derani** telah berjaya menganjurkan Jamuan Raya IPF bagi tahun 2014 yang di adakan di Dewan Sri Merbau, KTHO.

Majlis ini diadakan bermula jam 8.00 malam dan disertai oleh lebih 45 keluarga felo dan pembantu felo. Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Saudara Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad, Ketua Biro Kerohanian dan diteruskan dengan Slot Marhaban yang diketuai oleh En. Mohd Roslan bin Abdul Ghani, Ketua Biro Sukan IPF. Setiap kolej juga di minta untuk membawa "pot luck" masing-masing untuk jamuan ini. Program ini telah berakhir pada jam 10.30 malam.



CARTA ORGANISASI IPF 2014/2015

